



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-4, Menara PjH, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 \* Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

KWP: 24/688/7 Jlid. 3 (40)

Tarikh: 26 November 2009

## **MAKLUM BALAS MEDIA**

Editor

Sun Media Corporation Sdn. Bhd.

Level 4, Lot 6, Jalan 51/217

46050 Petaling Jaya

Selangor

(Attn.: Dr Goh Ban Lee)

## **URBAN WELLBEING IS NO SMALL MATTER**

Terlebih dahulu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap pandangan dan ulasan yang diberikan oleh Dr. Goh Ban Lee dalam penulisannya bertajuk "*Urban Wellbeing is no small matter*" yang disiarkan dalam akhbar The Sun pada 17 November 2009.

Sesungguhnya, artikel tersebut jelas memperlihatkan betapa minat, peka dan keprihatinan penulis terhadap pembentukan KWPKB selaras dengan keputusan Y.A.B. Perdana Menteri yang mahukan supaya Kerajaan memberi fokus yang lebih serius untuk menangani masalah kemiskinan bandar berdasarkan kepada pertumbuhan perbandaran yang semakin berkembang di Malaysia.

Justeru, fokus dan hala tuju pentadbiran Kementerian ini perlu diteliti dan diperbaharui berdasarkan kepada hasrat dan matlamat Kerajaan sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2009. Oleh itu, Kementerian ini telah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti bidang tugas yang lebih jelas melalui perbincangan dengan pelbagai Kementerian dan Agensi Pusat, meneliti keperluan dasar dan mekanisme yang berkesan serta mendapatkan pentakrifan yang lebih jelas mengenai kawasan perbandaran supaya peranan dan tanggungjawabnya menjadi lebih efektif dan komprehensif memandangkan kawasan tanggungjawab Kementerian ini adalah meliputi bandar-bandar seluruh Malaysia. Langkah dan tindakan yang dinyatakan di atas adalah bertujuan untuk memastikan peranan dan tanggungjawab baru Kementerian ini menepati hasrat dan matlamat YAB Perdana Menteri.

Merujuk kepada komen penulis terhadap carta organisasi Kementerian yang tidak dikemas kini, pihak pengurusan Kementerian telah membuat siasatan dan telah mengenal pasti bahawa punca perkara tersebut adalah merujuk kepada laman web Kementerian dalam Bahasa Inggeris yang telah *disable*.

Sebenarnya, carta organisasi Kementerian yang terkini boleh dicapai dan terpapar di alamat [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my), iaitu **Laman Web Rasmi KWP** versi Bahasa Melayu yang telah dikemaskini sebaik sahaja pengumuman rombakan barisan Kabinet baru di bawah kepimpinan Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri pada 10 April 2009.

Laman Web KWP versi Bahasa Inggeris sepatutnya tidak boleh dicapai melalui laman utama Bahasa Melayu. Bagaimana pun, kemungkinan atas sebab-sebab teknikal, **Laman Web Bahasa Inggeris yang telah *disable*** ini boleh dicapai melalui cara-cara lain seperti melalui laman web di [www.kwp.gov.my/cmsen](http://www.kwp.gov.my/cmsen). Keadaan ini boleh menjuruskan kepada maklumat-maklumat tidak rasmi dan tidak tepat yang diperolehi melalui laman web tersebut.

Justeru, setelah mendapat maklumat dan maklum balas tentang timbulnya kekeliruan mengenai perkara ini, tindakan serta merta telah diambil oleh Kementerian ini bagi menghapuskan atau *wipe out completely* maklumat berkenaan dari perisian Laman Web Kementerian. Pihak pengurusan Kementerian juga sedang menyelaras dan mengemas kini kandungan maklumat laman web Kementerian secara keseluruhannya sejajar dengan peranan dan fungsi baru Kementerian.

Namun demikian, pihak Kementerian dengan ikhlas hati memohon maaf kepada penulis ekoran kekeliruan yang timbul dan menerima segala pandangan yang diberikan dengan hati yang terbuka.

Pihak Kementerian amat mengalu-alukan apa jua saranan dan cadangan membina daripada penulis dalam usaha menjayakan hasrat dan keputusan kerajaan menangani masalah kemiskinan bandar dan melaksanakan pembangunan bandar secara menyeluruh dan mampan (*sustainable*). KWPKB percaya dengan perkongsian pengalaman dan kepakaran yang ada pada penulis akan dapat bersama membantu usaha murni Kementerian ini ke arah pencapaian matlamat gagasan 1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

**MAZURAH ISMAIL**

Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

26 November 2009